

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**
TARIKH : **SELASA, 24 MEI 2016**
RUJUKAN : **L5 [PR-1342-L74242]**
SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah dan mekanisma yang digunakan bagi mengesan penyalahgunaan kemudahan Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh penyewanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memandang serius terhadap penyewa yang menyalahgunakan kemudahan Program Perumahan Rakyat (PPR). Oleh yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengadakan operasi penguatkuasaan secara harian bagi mengenalpasti kes penyalahgunaan ini.

Mengikut rekod statistik penguatkuasaan dari bulan Januari 2016 sehingga 30 April 2016, sebanyak **6,872 tindakan penguatkuasaan** telah dilaksanakan. Ini melibatkan Operasi Angkut Motorsikal/Kereta Buruk Yang Tersadai sebanyak **253 kes**, Operasi Kunci Air sebanyak **6,460 kes** dan tindakan rampas unit di atas pelbagai kesalahan seperti penghuni tidak sah, penghuni tidak menetap serta unit disewakan kepada warga asing sebanyak **159 kes**.

Selain itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa yang sama telah mengadakan operasi bersepadu bersama Agensi Kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Operasi ini diadakan secara berkala setiap minggu di PA/PPR yang telah dikenalpasti.

Sehingga kini, operasi telah dijalankan melibatkan kawasan perumahan PPR Intan Baiduri, PPR Kg Muhibbah, PPR Kg Baru Air Panas dan PA Seri Selangor yang membawa kepada **124 kes** tindakan penguatkuasaan.

Hasil operasi ini telah berjaya mengenalpasti **80 unit** didiami oleh penghuni tidak sah manakala tangkapan **3 orang** warga asing di bawah tindakan pihak JIM dan **41 orang** penagih dadah telah ditahan oleh pihak AADK untuk tindakan selanjutnya.